

Rujukan : USM. 38/15 Jld. XI

Tarikh : 27 Oktober 2023

Kepada : Dekan/Pengarah/Penyelaras/Ketua Jabatan
Pusat Pengajian/Pusat/Unit/Jabatan
Kampus Induk/Kejuruteraan/Kesihatan
Institut Perubatan & Pergigian Termaju

Memorandum

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 63 TAHUN 2023

- PENGUMPULAN CUTI REHAT (PCR) KE TAHUN 2024 DAN / ATAU PENGUMPULAN CUTI REHAT KE AWARD WANG TUNAI (AWT) TAHUN 2023

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, pihak Universiti akan melaksanakan pengemaskinian pengumpulan cuti rehat bagi mana-mana staf yang tidak dapat menghabiskan cuti rehat bagi tahun ini. Selaras dengan Perbekalan Cuti Universiti, baki cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan atas sebab kepentingan perkhidmatan boleh dipertimbangkan untuk dibawa ke tahun hadapan atau AWT atau kedua-duanya sekali.

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk memastikan rekod cuti setiap staf adalah teratur dan dikemaskini. PCR ke Tahun Hadapan (2024) dan AWT 2023 hendaklah dilakukan secara dalam talian melalui Sistem E-Cuti. Sila ambil perhatian bahawa jumlah maksimum yang boleh diluluskan ialah tidak melebihi kelayakan cuti rehat bagi tempoh dua (2) tahun perkhidmatan ke tahun ketiga. Berikut adalah jadual yang perlu dipatuhi oleh setiap PTJ:-

Bil.	Tempoh	Aktiviti
1.	1 November 2023 hingga 30 November 2023	- Untuk kemaskini PCR dan AWT oleh staf; dan - Tempoh semakan dan pengesahan oleh Pegawai Pentadbiran dan Ketua Jabatan di PTJ.

4. Untuk memastikan urusan pengumpulan cuti rehat ke tahun 2024 dan pengumpulan AWT 2023 dilaksanakan dengan teratur, lampiran-lampiran berikut boleh dirujuk/dicetak melalui portal 'Campus Online' di menu Sistem E-Cuti seperti berikut:-

- Manual Permohonan Pengumpulan Cuti Rehat (PCR) dan/atau Pengumpulan Cuti Rehat Ke Award Wang Tunai (AWT) - untuk staf membuat permohonan.
- Manual Proses Permohonan Pengumpulan Cuti Rehat (PCR) dan/atau Pengumpulan Cuti Rehat Ke Award Wang Tunai (AWT) - untuk staf yang menguruskan cuti di PTJ; dan
- Tatacara Pengumpulan Cuti Rehat Ke Tahun Hadapan dan Pengumpulan Cuti Rehat Ke AWT.

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 63 TAHUN 2023

- **PENGUMPULAN CUTI REHAT (PCR) KE TAHUN 2024 DAN / ATAU
PENGUMPULAN CUTI REHAT KE AWARD WANG TUNAI (AWT) TAHUN 2023**
-

5. Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)

Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

s.k. Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Pendaftar

Pengarah, Kampus Kejuruteraan

Pengarah, Kampus Kesihatan

Pengarah, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Timbalan Pendaftar Kanan

Jabatan Pendaftar

Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar

Jabatan Pendaftar

Kampus Kejuruteraan

}

}

}

}

}

}

Untuk hebahan mengikut
kampus masing-masing.

Terima kasih.

Ketua Penolong Pendaftar

Ketua Pentadbiran

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Semua Pegawai Pentadbiran

Pusat Pengajian/Pusat/Unit/Jabatan

MAMS/MFAA/nss...PCR/AWT 2023

Tel. : (6)04 6536070 ; Faks : (6)04 6534315 ; E-mel : azizudin@usm.my ; Web : registry.usm.my